

Mereka buat tafsiran sendiri melalui kad raya

PM tolak dakwaan nasionalisme tak sesuai dengan Islam

UM 7 JUN 1985

ALUR SETAR 16 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kekal selamat Hari Raya. Kad tahun ini yang menyebut "perasaan kebangsaan" tidak se-cocok dengan agama Islam dengan mendakwa kononnya ada hadis berkenaan dengan perkara tersebut.

"Ini tidak benar sama sekali, mereka membuat tafsiran mereka sendiri dengan bukan hadis yang sebenar," tegas Perdana Menteri.

Beliau berharap semua umat Islam akan insaf dan mempunyai kesedaran untuk menegakkan perpaduan di kalangan umat Islam walaupun ada pihak-pihak yang tidak ingin kepada perpaduan yang cuba membuat itu dan ini yang menghalang perpaduan.

Berucap di majlis ber-

buka puasa di FELDA Bukit Tanga dekat Canglun kira-kira 50 kilometer dari sini malam tadi, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa orang Islam yang bertanggungjawab mestilah berusaha untuk menyatupadukan semula masyarakat yang berpecah itu yang disifatkan sebagai "masyarakat serpihan yang sudah terpisah daripada kita".

"Kita perlu huluskan tangan persahabatan kepada mereka supaya mereka sekali lagi insaf dan balik semula kepada masyarakat Islam dan dengan itu maka akan wujudlah perpaduan yang dituntut oleh agama Islam," ujar beliau.

Mengulas lebih lanjut mengenai perasaan kebangsaan atau "assabiyah" yang ditimbulkan oleh golongan

tertentu di dalam masyarakat Islam negara ini sekarang, Perdana Menteri berkata malangnya ada setengah-setengah orang berkata kononnya Islam tidak menyuruh kita mempertahankan bangsa kita iaitu Islam tidak menggalakkan perasaan kebangsaan.

Pendapat

Beliau menyatakan pendapat itu adalah suatu yang salah dengan memberi contoh di Afghanistan orang-orang berperang untuk mempertahankan Afghanistan ialah orang-orang Afghan.

Katanya, "kita juga orang Islam, mereka juga orang-orang Islam tetapi saya belum nampak orang Malaysia pergi ke Afghanistan untuk mempertahankan orang-orang Islam di sana.

"Pendek kata walaupun orang-orang Islam diserang di Afghanistan, orang Islam di Malaysia ini tidak berasa bertanggungjawab."

Beliau menjelaskan orang Afghanistan berasa bertanggungjawab kerana mereka bukan saja orang Islam tetapi kerana negara mereka didncam dan sebagai orang Afghanistan yang mempunyai semangat kebangsaan, mereka berperang untuk mempertahankan negara mereka.

"Begitu juga jikalau negara kita ini diserang oleh orang lain, tidak akan ada orang Afghanistan yang akan datang mempertahankan kita, yang terpaksa mempertahankan kita ialah kita sendiri kerana sayang kepada negara kita sendiri," ujar Perdana Menteri.

Menurutnya, memang benar kita sayang kepada agama kita tetapi orang lain yang sayang kepada agama Islam tidak akan datang menolong kita. "Kitalah yang mesti mempertahankan agama Islam di negara kita ini kerana kita adalah bangsa Malaysia di sini dan kita perlu bertanggungjawab tentang keselamatan negara kita termasuk juga keselamatan agama kita."